

06/04/2001

MTUC ulangi desakan tarik balik pengurangan caruman KWSP

SUNGAI BULOH, Khamis - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mengulangi desakannya supaya kerajaan menarik balik keputusan mengurangkan caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak dua peratus kepada sembilan peratus.

Presiden MTUC, Senator Zainal Rampak sebaliknya menyarankan kerajaan menambah sumbangan berkenaan menjadikannya 12 peratus dalam usaha meningkatkan simpanan pekerja berpendapatan rendah.

Zainal berkata, pengurangan caruman KWSP tidak banyak mempengaruhi perkembangan ekonomi negara kerana jumlahnya kecil untuk dibelanjakan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah.

"Berapa sangatlah potongan sebanyak dua peratus itu untuk dibelanjakan pekerja yang berpendapatan RM500.

"Alangkah baiknya jika caruman berkenaan tidak dipotong, malah ditambah dua peratus lagi bagi menambah simpanan mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat dwitahunan ke-11 Kesatuan Pekerja-pekerja Lembaga Getah Malaysia hari ini.

Zainal turut menyarankan supaya caruman majikan dalam KWSP ditambah daripada 12 peratus kepada 15 peratus sebagai satu sumbangan majikan kepada simpanan pekerja.

Minggu lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan beberapa tindakan bagi mengekang kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat termasuk mengurangkan caruman pekerja dalam KWSP sebanyak dua peratus untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun.

Ini bermakna caruman pekerja yang sebelum ini 11 peratus, menjadi sembilan peratus, berkuatkuasa 1 April.

(END)